



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PELANCARAN EKSPLORASI RUKUN NEGARA PERINGKAT INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI

SERDANG, 2 Oktober 2023 – YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Institut Pendidikan Tinggi di Dewan Besar Universiti Putra Malaysia (UPM)** pada hari ini. Program ini mendapat Kerjasama strategik daripada Kementerian Pengajian Tinggi melalui UPM selaras dengan *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di bawah kluster Semarak Kenegaraan.

Inisiatif ini merupakan **susulan daripada Peluncuran Eksplorasi Rukun Negara** oleh YB Menteri Perpaduan Negara pada 13 Ogos 2023 yang lalu, dan seterusnya pelancaran di peringkat sekolah pada 14 Ogos 2023. Usaha tersebut adalah untuk **memperkasa pembudayaan prinsip Rukun Negara** dalam kehidupan seharian masyarakat dan akan diperluas pelaksanaannya di semua peringkat. Ia bertujuan untuk **meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) Rukun Negara** dan menjadikannya sebahagian daripada sikap dan tingkah laku seterusnya mengukuhkan semangat jati diri serta semangat cinta kepada tanah air.

Rukun Negara merupakan **teras perpaduan dalam membentuk negara** tanpa mengira agama dan bangsa. Inti pati ini terangkum dalam pelaksanaan Dasar Perpaduan Negara yang menggariskan **tiga (3) objektif utama** iaitu:

- (i) Mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
- (ii) Membentuk identiti nasional dengan jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab; dan
- (iii) Melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

Ketua Setiausaha KPN dalam ucapannya menyatakan bahawa Kerajaan telah mempersetujui sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima (5) prinsip dalam program-program rasmi termasuklah dalam majlis perhimpunan sekolah dan Institut Pendidikan Tinggi.

Menurut beliau, edaran surat pemakluman keputusan Jemaah Menteri berhubung pelaksanaan sesi lafaz ikrar melibatkan penjawat awam telah dikuatkuasakan pada 25 Ogos 2023. “Sambutan yang diterima cukup baik dan dapat disaksikan lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah diikuti prinsip-prinsipnya semasa Majlis Sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2023. Beberapa kementerian dan agensi kerajaan juga telah pun mula membudayakan bacaan lafaz ikrar penuh Rukun Negara dalam majlis-majlis rasmi mereka,” ujar YBhg. Datuk Azman.

Empat (4) nilai teras yang ditekankan dalam pelaksanaan Eksplorasi Rukun Negara melibatkan **patriotik dan kenegaraan, inovasi dan teknologi digital, kesukarelawanan serta kepimpinan dan jati diri**. Ketua Setiausaha KPN turut menyatakan harapan agar para mahasiswa dapat melaksanakan aktiviti yang bersesuaian mengikut pendekatan terkini, bersifat santai dan mengikut keperluan semasa khususnya dalam era kepantasan ilmu digital kini melalui penerapan empat (4) nilai tersebut.

Komitmen **mahasiswa sebagai generasi pewaris masa depan negara diharapkan agar menghayati dan mengamalkan cita-cita serta prinsip Rukun Negara**, sekali gus bertindak menjadi rakan Eksplorasi Rukun Negara dalam menyemarakkan lagi penghayatan dan pembudayaannya dalam kalangan masyarakat.

Kementerian Perpaduan Negara

2 Oktober 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()